

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 29.08.2025 MASA: 3:00PTG

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN
ABDUL HAMID
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

SEMPENA

**KENDURI RAKYAT AMBANG MERDEKA SEMPENA
PERASMIAN ANJUNG SELERA TAMAN SUTERA**

TARIKH / MASA / TEMPAT

**30 OGOS 2025 (SABTU)
08.00 MALAM**

**ANJUNG SELERA TAMAN SUTERA
SEBERANG PERAI TENGAH**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh,

Selamat Malam, Salam Sejahtera, Salam Penang2030 dan Salam Malaysia MADANI,

1. Marilah kita bersama-sama merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan kurnia-Nya, kita dapat berhimpun pada malam yang penuh bermakna ini bersempena **Kenduri Rakyat Ambang Merdeka dan Perasmian Anjung Selera Taman Sutera.**
2. Terlebih dahulu, izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berusaha Puan Hajah Nurul Izzah Binti Anwar atas kesudian hadir untuk merasmikan majlis ini meskipun jadual puan amat padat. Kehadiran puan membuktikan sokongan padu serta komitmen terhadap usaha-usaha memperkuatkhan ekonomi rakyat, selain mengangkat agenda kesejahteraan masyarakat di Seberang Perai.
3. Tidak lupa juga, ucapan penghargaan saya tujukan kepada Ahli Majlis MBSP, Penyelaras Kadun Seberang Jaya, Penggerusi MPKK Jalan Hussein Onn, para penjaja serta seluruh komuniti Taman Sutera yang hadir bersama-sama memeriahkan majlis ini. Sesungguhnya,

kehadiran tuan-tuan dan puan-puan membuktikan semangat kebersamaan, perpaduan serta rasa kekitaan yang menjadi asas kekuatan sebuah komuniti.

4. Anjung Selera Taman Sutera yang akan dirasmikan dan diraikan pada malam ini merupakan hasil perancangan teliti Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dengan kerjasama pelbagai pihak, khususnya MPKK Jalan Hussein Onn, demi memastikan kesejahteraan komuniti setempat. MBSP telah mengenal pasti seramai 26 penjaja di sekitar kawasan ini dan seterusnya menempatkan mereka di tanah lapang Lot 5794, Mukim 6, Daerah Seberang Perai Tengah, seluas 347.46 meter persegi.
5. Penempatan ini bukan sahaja memberi kemudahan dari sudut kelestarian perniagaan, malah juga penting bagi tujuan kawalan kebersihan persekitaran, keselamatan serta kelancaran lalu lintas. MBSP telah meluluskan sebanyak 40 petak perniagaan dengan susunatur secara harian, beroperasi dari jam 8.00 pagi hingga 12.00 tengah malam, demi memastikan keperluan masyarakat dapat dipenuhi secara optimum.
6. Saya percaya, dengan kewujudan Anjung Selera ini, para penjaja bukan sahaja beroleh lokasi yang lebih tersusun dan selesa, malah mampu meningkatkan daya saing serta hasil pendapatan keluarga.

Dalam masa yang sama, warga komuniti Taman Sutera akan menikmati kepelbagaian juadah tempatan dalam suasana yang lebih bersih, selamat dan harmoni.

7. Kenduri Rakyat yang diadakan bersempena Ambang Merdeka ke-68 tahun ini juga membawa erti yang besar. Ia melambangkan semangat perpaduan, muhibah serta kegembiraan rakyat dalam meraikan nikmat kemerdekaan yang dikecapi. Sesungguhnya, majlis sebegini wajar dijadikan wadah untuk kita memperkuuhkan ikatan kekeluargaan, menyemarakkan kasih sayang sesama jiran, serta menyuburkan semangat patriotisme dalam diri setiap warga, sambil menzahirkan rasa syukur atas keamanan negara yang kita kecapi hari ini.
8. Sehubungan itu, saya menyeru agar para penjaja yang beroperasi di Anjung Selera ini sentiasa menjaga kebersihan, mutu perkhidmatan, keramahan kepada pelanggan serta kualiti makanan. MBSP akan terus memantau serta memberi sokongan agar kawasan ini menjadi contoh pusat penjaja yang maju, teratur, selamat dan mesra pelanggan.
9. Harapan saya agar Anjung Selera Taman Sutera ini menjadi mercu tanda ekonomi rakyat setempat, berkembang sebagai pusat tumpuan komuniti dan simbol kebersamaan masyarakat Seberang Perai.

Semoga ia juga menjadi pemangkin kepada pembangunan ekonomi mikro serta membuka lebih banyak peluang keusahawanan di masa hadapan.

10. Akhir kata, marilah kita terus berganding bahu dalam memacu agenda pembangunan Seberang Perai, selaras dengan visi Penang2030 dan aspirasi Malaysia MADANI, demi memastikan rakyat hidup sejahtera, harmoni dan berdaya saing.

Sekian, terima kasih.

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.***